



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)
: 06-5293932 (KEWANGAN)
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my
Laman Web : http://www.ppdjasin.edu.my



Tarikh : 11 Disember 2009
No. Ruj : PPDJ.UKPP.KEW.100-6/5/3(1)

Guru Besar / Pengetua,
Sekolah-sekolah Bukan PTJ Daerah Jasin,
Melaka.

Tuan,

PENUTUPAN AKAUN PERSEKUTUAN TAHUN KEWANGAN 2009

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2009 bertarikh 1 Disember 2009 dan Peraturan Penutupan Akaun Persekutuan Tahun Kewangan 2009 bertarikh 10 Disember 2009 yang menerangkan maksudnya sendiri. **(sila rujuk lampiran A1 dan A2)**

2. Sehubungan itu, Unit Kewangan PPD Jasin telah menetapkan tarikh penghantaran dokumen kewangan bagi Sekolah Bukan Pusat Tanggungjawab (Bukan PTJ) seperti di **Lampiran A**. Pihak sekolah diingatkan agar mematuhi ketetapan tersebut bagi mengelakkan berlakunya pembayaran di bawah Arahan Perbendaharan (AP) 58(a).

3. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, Terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(SUMAT BIN MAT LAN)

Ketua Penolong Pegawai Pelajaran,
b/p Pegawai Pelajaran Daerah Jasin,
Pejabat Pelajaran Daerah Jasin, Melaka.

LAMPIRAN A

**PENETAPAN TARIKH PENGHANTARAN DOKUMEN KEWANGAN BAGI
SEKOLAH BUKAN PTJ**

DOKUMEN	SENARAI SEMAK	KOD AKTIVITI	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
GAJI (NOVEMBER 2009) 1) Guru Ganti dan KGSK 2) Pembantu Rendah Am / Jaga / Pembantu Pengurusan Murid Sambilan	Kew 8, Surat Tawaran, Borang Kehadiran, Salinan Buku Bank, SG50, Borang A KWSP	GG/KGSK Rendah : 030309 GG/KGSK Menengah:030409 PRA/JAGA/PPM : 030301	16 Disember 2009
GAJI (DISEMBER 2009) 1) Pembantu Rendah Am / Jaga / Pembantu Pengurusan Murid Sambilan	Kew 8, Surat Tawaran, Borang Kehadiran, Salinan Buku Bank, SG50, Borang A KWSP	Aktiviti Rendah : 030309 Pra/Jaga/PPM : 030301	31 Disember 2009 (sebelum pukul 4.30 petang)
TUNTUTAN PERJALANAN (DISEMBER 2009)	Borang tuntutan, Surat yang diminitkan / Borang pergerakan kakitangan sekolah, Salinan buku bank	-	15 Disember 2009
BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)	Kew 8, Surat Tawaran, Penyata Perkiraan BKK, Salinan Buku Bank	Aktiviti Rendah 030301 OSOL : 15106 Aktiviti Menengah 030401 OSOL : 15106	16 Disember 2009
BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) Pra Sambilan (Kontrak Sehingga November 2009)	Kew 8, Surat Tawaran, Penyata Perkiraan BKK, Borang Kehadiran Bulan Layak, Salinan Buku Bank	Aktiviti 030409 OSOL : 29306	16 Disember 2009
BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) Pra Sambilan/Jaga Sambilan/ PPM Sambilan (Kontrak Sehingga Disember 2009)	Kew 8, Surat Tawaran, Penyata Perkiraan BKK, Borang Kehadiran Bulan Layak, Salinan Buku Bank	Aktiviti 030409 OSOL : 29306	31 Disember 2009 (sebelum pukul 4.30 petang)

**** semua dokumen perlu dihantar ke Unit Kewangan PPD Jasin seperti tarikh di atas.**



Ruj Kami. : ANM(G)MEL/51 Jld 40 (63)

Tarikh : 27 Oktober, 2009

Seperti Senarai Edaran

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2009

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil 17 Tahun 2009 mengenai perkara diatas.

2. Dimaklumkan bahawa, ansuran pertama bagi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2009 berjumlah RM250.00 telah selesai dibayar samada pada 17.09.2009, 25.09.2009 atau 28.09.2009 tanpa "*Proportionate*" kepada kakitangan yang layak menerimanya.

3. Untuk makluman tuan juga, ansuran pertama bagi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2009 dibayar adalah berdasarkan kepada senarai kakitangan yang menerima gaji melalui Sistem Gaji Berkomputer sehingga bulan September 2009. Oleh yang demikian, bagi kakitangan yang tidak tersenarai di dalam laporan tersebut kerana telah bertukar keluar, tamat perkhidmatan ataupun bersara, pihak Y.Bhg Datuk / Dato'/ Datin / Tuan / Puan diminta membuat bayaran melalui Baucar Berasingan secara "*Proportionate*". Sila gunakan peruntukan di bawah Objek Sebagai 15106 bagi jawatan tetap, manakala peruntukan di bawah Objek Sebagai 29306 bagi jawatan tidak tetap. Dokumen yang perlu disertakan adalah Kew. 8 dan Penyata Perkiraan.

4. Di samping itu, pihak Y.Bhg Datuk / Dato'/ Datin / Tuan / Puan diminta untuk mengemaskini **Tarikh Lantikan Pertama** dan **Tarikh Lantikan Sekarang** bagi senarai kakitangan yang menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) pada **25.09.2009** atau **28.09.2009**. Sila kemaskini di ruangan **Tarikh Lantikan Pertama** dan di ruangan Catatan bagi **Tarikh Lantikan Sekarang** serta memastikan laporan tersebut dihantar semula ke Jabatan ini sebelum **06.11.2009**.

5. Bersama-sama ini disertakan Laporan Perkiraan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2009 bagi tujuan semakan dan pengesahan jumlah yang diterima oleh kakitangan di bawah seliaan Y.Bhg Datuk / Dato'/ Datin / Tuan / Puan. Tindakan pelarasan bagi bayaran kedua akan dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Warga Berintegriti Perkhidmatan Berkualiti"

Saya yang menurut perintah,



(LOKMAN BIN LATIP)

Penolong Pengarah Kanan (O)

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka

s.k 1. Fail Timbul



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2009

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2009

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2009 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Sokongan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Sokongan. Bantuan Khas Kewangan ini adalah sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan Kerajaan terhadap sumbangan pegawai yang terlibat.

PELAKSANAAN

3. Bantuan Khas Kewangan diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Sokongan yang berkhidmat pada tahun 2009. Pegawai yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan adalah seperti berikut:

- a. pegawai tetap, sementara, sangkut, sambilan, *contract of service* dan guru sandaran;
- b. pegawai yang bercuti separuh gaji;
- c. pemandu yang dilantik oleh pegawai Jawatan Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas 'A' yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- d. pegawai *contract of service* yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya.

Pegawai Yang Tidak Layak

4. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Sokongan yang tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan adalah seperti berikut:

- a. pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun 2009;
- b. pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2009;
- c. pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tahun 2009;
- d. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 2009;
- e. pegawai yang dikenakan hukuman tata tertib selain daripada hukuman amaran atau amaran keras; dan
- f. pegawai lantikan *contract for service*.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Bantuan Khas Kewangan

5. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib, ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan. Pegawai hanya layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sekiranya Pihak Berkuasa Tata tertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran atau amaran keras.

Kaedah Pembayaran

6. Bantuan Khas Kewangan dibayar kepada pegawai yang berkhidmat pada tahun 2009. Perkiraan Bantuan Khas Kewangan adalah tertakluk kepada genap satu bulan perkhidmatan. Kiraan genap satu bulan perkhidmatan bermaksud satu bulan kalendar.
7. Bantuan Khas Kewangan dibayar dua kali iaitu RM250.00 sebelum menyambut Hari Raya Aidilfitri 2009 dan RM250.00 lagi pada bulan Disember 2009.
8. Pegawai yang bersara/meninggal dunia/letak jawatan/tamat perkhidmatan/tamat kontrak, perkiraan Bantuan Khas Kewangan adalah secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan.
9. Pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun, perkiraan Bantuan Khas Kewangan adalah secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan.
10. Bagi pegawai sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan. Sekiranya bilangan hari bekerja dalam sebulan adalah kurang daripada 21 hari, perkiraan bilangan hari bekerja adalah berdasarkan hari bekerja tertinggi dalam bulan berkenaan.

JABATAN YANG MEMBAYAR

11. Bantuan Khas Kewangan adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai ditempatkan pada bulan pembayaran atau jabatan terakhir di mana pegawai bertugas.


TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

10 September 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan